

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 5 Julai 2020 3:28 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 1,800 PELAJAR KEMBALI AMBIL BARANGAN PERIBADI



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

5 JULAI 2020 / 13 ZULKAEDAH 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

1,800 PELAJAR KEMBALI AMBIL BARANGAN PERIBADI



UUM ONLINE: Seramai 1,800 pelajar universiti ini menarik nafas lega apabila dibenarkan kembali ke kampus untuk mengambil barangan peribadi masing-masing sejak 1 Julai lalu.

Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Dr. Massudi Mahmuddin berkata, pihaknya menerima banyak permohonan daripada pelajar untuk kembali semula ke kampus bagi mengambil barang mereka.

Menurutnya, selain mengambil semula barangan mereka, ada yang pulang ke kampus untuk mendapatkan liputan internet yang lebih baik bagi meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara online.

Katanya, ada juga segelintir pelajar tahun akhir yang kembali untuk menyiapkan laporan dan tesis, menyelesaikan keperluan akademik serta temu janji dengan pensyarah dan penyelia.

“Oleh itu, UUM telah membenarkan 1,800 pelajar kembali semula ke kampus bagi tujuan mengambil barangan peribadi, kenderaan atau meneruskan pengajian, seterusnya membuat pengosongan bilik bermula pada 1 dan 2 Julai secara berperingkat dan berjadual.

“Pelajar dari di Inapan Siswa (INASIS) MAS, Proton, BSN, MISC, Tradewinds, Petronas, Yayasan Al Bukhary dan SME Bank dibenarkan datang pada 1 Julai dari jam 10 pagi hingga 3 petang, manakala pelajar dari INASIS TNB, Bank Muamalat, Grantt, Sime Darby, TM, Maybank, Universiti Inn dan Bank Rakyat pada 2 Julai,” katanya.

Dr. Massudi berkata, pelajar yang memohon untuk meneruskan pengajian juga mengambil barang pada tarikh yang sama di INASIS masing-masing dan terus mendaftar di INASIS Petronas.

Menurutnya, pelajar diingatkan supaya mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti demi kesihatan dan keselamatan bersama.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Teknologi, Muhammad Azri Tajudin bersyukur kerana dapat kembali ke kampus untuk mengambil barang miliknya yang sudah lama ditinggalkan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan Covid-19.

“Saya balik rumah sehari sebelum PKP, jadi banyak barang yang ditinggalkan di kampus seperti baju, dokumen penting dan motosikal hampir tiga bulan.

“Apabila pihak HEP menyalurkan maklumat menerusi Facebook dan Whatsapp, saya terus ke UUM dengan mematuhi semua SOP yang ditetapkan,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.